

ENTERPRISE ARCHITECTURE (1GovEA) PEMBOLEHDAYA TRANSFORMASI KERAJAAN DIGITAL

Enterprise ditakrifkan sebagai komponen organisasi yang mempunyai satu matlamat yang sama. Dalam persekitaran Kerajaan Malaysia ia memberi maksud Kerajaan sebagai sebuah organisasi yang mempunyai hala tuju strategik, objektif dan hasil perkhidmatan organisasi yang sama. Organisasi terdiri daripada entiti yang saling bergantung seperti struktur organisasi, proses bisnes, sistem maklumat, infrastruktur dan unit organisasi yang melaksanakan fungsi tertentu untuk menyokong objektif perkhidmatan organisasi.

Manakala *Enterprise Architecture* (EA) didefinisikan sebagai disiplin untuk memberi panduan dan menterjemahkan pelan perancangan aktiviti dan perkhidmatan kerajaan serta hubungkaitnya dengan pengurusan organisasi untuk merealisasikan hala tuju strategik kerajaan dan hasil perkhidmatan yang ditetapkan organisasi.

Pelaksanaan EA Sektor Awam atau 1GovEA akan menyediakan satu mekanisme untuk menjajarkan penggunaan teknologi dengan hala tuju bisnes Sektor Awam seperti Wawasan 2020, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Kerajaan Digital. Penjajaran tersebut untuk mencapai integrasi dan kolaborasi serta kerjasama di kalangan unit dalaman organisasi yang menguruskan pelbagai perkhidmatan dan kolaborasi merentas agensi.

EA berperanan sebagai pelantar strategik dalam konteks evolusi dan transformasi e-Kerajaan kepada Kerajaan Digital bagi memenuhi keperluan perubahan persekitaran perkhidmatan digital kepada rakyat. Perubahan ini mencakupi perubahan terhadap visi, misi, objektif, strategi, proses bisnes serta penjawat awam dan hubungkaitnya dengan perubahan data dan maklumat kerajaan, aplikasi dan teknologi. Pembudayaan dan amalan EA di Sektor Awam akan dapat menilai kekuatan dan batasan bisnes, perkhidmatan dan teknologi sedia ada dapat menyokong kecekapan, produktiviti dan inovasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi tujuan mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Contohnya, kajian oleh Forrester Research pada tahun 2006 melaporkan bahawa 66% projek ICT tidak menunjukkan nilai terhadap bisnes disebabkan masalah komunikasi di antara proses bisnes dan teknologi maklumat. Jumlah kerugian mencecah sehingga USD30 billion setiap tahun. Antara pendekatan yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan melaksanakan EA untuk mencapai keseimbangan di antara kecekapan sistem, teknologi dan maklumat serta hasil inovasi proses bisnes.

Contoh Kejayaan Pelaksanaan *Enterprise Architecture*



Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Bureau of Investigation of the United States) antara mereka yang menggunakan Enterprise Architecture

EA telah memberikan impak positif dalam merealisasikan manfaat penyelarasan bisnes dan ICT serta penjimatan operasi dalam perkhidmatan Kerajaan. Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat (*Federal Bureau of Investigation of the United States*) telah berjaya mencapai penjimatan sebanyak USD14,869,700 pada tahun 2008 dan mencatatkan penjimatan tambahan sebanyak USD49,394,266 dari 2009 hingga 2012 apabila menyelaraskan semula produk dan perkhidmatan ICT dan mengoptimumkan kontrak ICT di bawah program "Enterprise IT Procurement".

Kejayaan EA oleh kerajaan di beberapa negara menunjukkan manfaat pelaksanaan EA dalam mentransformasikan perkhidmatan. Contohnya di negara Eropah, EA telah dibangunkan pada tahun 2005 bagi mereka bentuk perkhidmatan kerajaan berpaksikan rakyat. Sehingga kini, negara Eropah telah berjaya meningkatkan profesionalisme kerajaan dalam memberikan perkhidmatan berteraskan '*shared services*'. Sementara itu, Kerajaan Korea telah mengadaptasikan EA pada

tahun 2005 dan meningkatkan perkhidmatan sistem e-Kerajaan menerusi integrasi 15,000 sistem maklumat kerajaan. Sebanyak 84% perkhidmatan telah berjaya dilaksanakan menerusi sistem e-Kerajaan pada tahun 2012.

Pengenalan 1GovEA




Menyedari kepentingan untuk merancang keperluan bisnes yang sejajar dengan teknologi maklumat bagi mencapai visi Kerajaan Digital, kerajaan Malaysia melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan kerangka 1GovEA sebagai panduan amalan EA di Sektor Awam. Visi EA adalah:

“1GovEA mewujudkan satu enterprise architecture yang bersepadu bagi mempercepatkan proses transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan sektor awam.”

Perancangan tersebut dinyatakan dalam Pelan Strategik ICT Sektor Awam, 2016-2020 sebagai ekosistem pemboleh daya yang menyokong kejayaan pelaksanaan dan kelestarian inisiatif ICT.

1GovEA merupakan satu rangka kerja dan metodologi untuk membimbing agensi-agensi Sektor Awam membina amalan EA. Tujuan utama 1GovEA adalah untuk menyediakan pendekatan, langkah-langkah dan templat yang seragam untuk memastikan kaedah pembangunan EA yang konsisten dalam sektor awam.



1GovEA untuk Agensi-Agensi Sektor Awam Malaysia

Enam komponen rangka kerja 1GovEA dalam Pelan Induk 1GovEA.


Kaedah pelaksanaan 1GovEA terbahagi kepada 5 peringkat pelaksanaan berikut:

- Peringkat 1: Permulaan
- Peringkat 2: Penilaian Semasa
- Peringkat 3: Penentuan Arah Tuju Baru
- Peringkat 4: Pembangunan/Realisasi
- Peringkat 5: Pemantauan

Nilai Bisnes dan Perkhidmatan Kerajaan Menerusi Pelaksanaan 1GovEA

Transformasi kepada Kerajaan Digital menerusi 1GovEA dijangka dapat memberi manfaat dalam strategi bisnes dan teknologi. Transformasi Kerajaan Digital melibatkan pertukaran maklumat digital merentas agensi di mana saling kendali (*interoperability*) amat penting.

Keupayaan EA dalam menguruskan saling kendalian antara sistem maklumat dalam menyelaraskan perkhidmatan merentasi agensi di pelbagai sektor semasa membangunkan perkhidmatan digital berteraskan *life-events* memberi nilai tambah kepada agensi.



ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA)
Mengamalkan EA di Sektor Awam berpandukan kerangka 1GovEA

1GovEA dalam Pelan Strategik ICT Sektor Awam, 2016-2020 sebagai ekosistem pemboleh daya yang menyokong kejayaan pelaksanaan dan kelestarian inisiatif ICT.



Manfaat Pelaksanaan 1GovEA dalam Pelan Induk 1GovEA Sektor Awam.

Pendekatan Pelaksanaan 1GovEA

Pelaksanaan EA dalam sektor awam akan merangkumi semua agensi kerajaan, bermula dengan 25 Kementerian dan 24 agensi kerajaan, termasuklah perkhidmatan kerajaan barisan hadapan dan agensi pusat. 1GovEA akan dilaksanakan dalam 3 fasa, dari 2016 sehingga tahun 2020 seperti Rajah berikut:

Pelaksanaan EA bukanlah inisiatif *one-off*, sebaliknya sebagai amalan budaya kerja berterusan agensi. Oleh itu, semakan berterusan EA melalui perubahan kecil di masa hadapan perlu dilakukan untuk memastikan agensi dapat menterjemahkan

perancangan bisnes dan ICT dari perspektif sektor awam (*Whole of Government*) dan berpaksikan rakyat tetapi bukan keperluan organisasi secara individu semata-mata.

Peringkat awal pelaksanaan EA di agensi melibatkan bisnes utama organisasi dibangunkan menerusi amalan EA mengikut keperluan organisasi. Selanjutnya organisasi menggunakan repositori EA berpusat dan Model Rujukan EA yang telah dibangunkan oleh MAMPU untuk membolehkan proses, data dan maklumat, aplikasi dan teknologi organisasi disimpan dengan tersusun. Repositori EA berpusat yang disediakan berupaya memberi gambaran jelas proses kerja dan perkhidmatan silang agensi yang melibatkan aktiviti merentasi agensi sektor awam. Penggunaan Model Rujukan EA sektor awam akan memberikan gambaran proses kerja dan perkhidmatan yang sama yang terdapat di pelbagai agensi sektor awam.

Agensi sektor awam seterusnya akan menggunakan metodologi 1GovEA untuk melaksanakan EA pada peringkat agensi dibawah kawalseliaannya dan mempunyai fungsi yang berkait rapat dengannya. Apabila EA berjaya dilaksanakan, pemantauan akan dilaksanakan untuk memastikan pematuhan terhadap setiap peringkat metodologi EA dan penyelesaian yang dicadangkan dilaksanakan mengikut hala tuju dan rangka kerja 1GovEA..



Pelan Pelaksanaan 1GovEA Sektor Awam.